



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2024
UKUR BAHAN**

KOD : PJU021
**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**
TARIKH : 04 MAC 2024
MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU021 – AMALAN DAN PROSUDER TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.

*Jawab **satu (1)** soalan **WAJIB di Bahagian A** dan mana-mana **empat (4)** soalan di Bahagian B.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

BAHAGIAN A

SOALAN 1

- a) Senaraikan **lima (5)** faktor yang akan mempengaruhi anggaran projek.

(5 markah)

- b) Cabutan Butir-butir Permulaan (*Preliminary Detailed Abstract-PDA*) dapat memberi panduan kepada pelanggan untuk menyediakan kos siling dan peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan projek. Senaraikan **lima (5)** item yang terdapat dalam *PDA*.

(5 markah)

- c) Huraikan secara ringkas keperluan penyediaan dokumen berikut :
- i) Cabutan Butir-butir Tender (*As Tendered Detailed Abstract-ATDA*)
 - ii) Cabutan Butir-butir Seperti Yang Disiapkan (*As Completed Detailed Abstract-ACDA*)

(10 markah)

BAHAGIAN B

SOALAN 2

a) Perolehan Kerajaan adalah tertakluk dengan had nilai perolehan mengikut gred pendaftaran kontraktor. Lengkapkan had nilai bagi perolehan kerja mengikut gred pendaftaran kontraktor tersebut.

- i) Gred G1
- ii) Gred G2
- iii) Gred G3
- iv) Gred G4
- v) Gred G5
- vi) Gred G6
- vii) Gred G7

(7 markah)

b) Senaraikan **lima (5)** prinsip perolehan Kerajaan.

(5 markah)

c) Nyata dan huraikan secara ringkas **dua (2)** kategori perolehan.

(8 markah)

SOALAN 3

a) Kaedah perolehan kerajaan ditentukan berdasarkan had nilai tertentu dan terdiri daripada beberapa kaedah. Senaraikan **empat (4)** kaedah perolehan kerja.

(4 markah)

b) Berikan definisi istilah berikut:

- i) Pesanan Kerajaan
- ii) Inden Kerajaan
- iii) Surat Niat
- iv) Surat Setuju Terima

(8 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- c) Terdapat enam (6) elemen dalam pembentukan ikatan kontrak. Huraikan **dua (2)** elemen berikut:
- i) Tawaran (*Offer*)
 - ii) Penerimaan (*Acceptance*)
- (8 markah)

SOALAN 4

- a) Terangkan secara ringkas maksud dokumen kontrak.
- (2 markah)
- b) Senaraikan **tiga (3)** kepentingan penyediaan dokumen kontrak dalam pentadbiran kontrak.
- (6 markah)
- c) Huraikan secara ringkas **empat (4)** kandungan dokumen kontrak berikut:
- i) Arahan Kepada Petender
 - ii) Borang Tender
 - iii) Syarat-syarat Kontrak
 - iv) Spesifikasi
- (12 markah)

SOALAN 5

Perakuan bayaran interim hendaklah dibuat menurut syarat-syarat kontrak.

- a) Senaraikan **empat (4)** dokumen yang perlu dikemukakan bagi tujuan pembayaran Perakuan Bayaran Interim pertama.
- (8 markah)

SOALAN 5 (sambungan)

- b) Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:
- i) Bayaran Pendahuluan
 - ii) Bayaran Interim
 - iii) Wang Jaminan Pelaksanaan
 - iv) Bahan atau barang-barang tidak pasang di tapak (*material on site*)
- (12 markah)

SOALAN 6

- a) Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:
- i) Wang Peruntukan Sementara
 - ii) Wang Kos Prima

(4 markah)

Jenis Perolehan	Tender Konvensional
Syarat-syarat Kontrak	P.W.D. Form 203A (Rev.1/2010)
Harga Kontrak	RM50,000,000.00
Tempoh Kontrak	24 Bulan
Tarikh Milik Tapak	1 Januari 2024
Wang Peruntukan Sementara	RM5,000,000.00
Wang Kos Prima	RM10,000,000.00
Peratusan kenaikan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (<i>Liquidated Ascertained Damages-LAD</i>)	0.015% sehari

Jadual 6

SOALAN 6 (sambungan)

- b) Berdasarkan maklumat kontrak dalam **Jadual 6**, jawab soalan-soalan berikut:
- i) Tarikh siap
 - ii) Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period-DLP*)
 - iii) Nilai Bon Pelaksanaan
 - iv) Nilai Insurans Kerja
 - v) Tempoh Sah Laku Insurans Kerja (Nyatakan tarikh)
 - vi) Nilai Insurans Tanggungan Awam
 - vii) Jumlah bayaran wang pendahuluan
 - viii) Nilai kenaan *LAD* sehari

(16 markah)

SOALAN 7

- a) Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:
- i) Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa
 - ii) Perakuan Kerja Tidak Siap
 - iii) Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
 - iv) Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

(12 markah)

- b) Huraikan secara ringkas prosedur penamatan pengambilan kerja kontraktor.

(8 markah)

SOALAN 8

Perakuan Siap Kerja (PSK) akan dikeluarkan apabila kerja telah siap menurut peruntukan kontrak.

- a) Nyatakan **lima (5)** perkara yang perlu dipenuhi dalam menentukan sama ada kerja telah mencapai penyiapan praktikal.

(10 markah)

SOALAN 8 (sambungan)

- b) Huraikan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan 'Tempoh Tanggungan Kecacatan'.

(4 markah)

Kontraktor	: JKR Jaya Sdn. Bhd.
Jenis Kontrak	: Konvensional Dalamam
Harga Kontrak	: RM15,000,000.00
Nilai Bon Pelaksanaan	: RM700,000.00
Tarikh Milik Tapak	: 7 Januari 2022
Tarikh Siap	: 15 November 2024

Jadual 8

- c) Berdasarkan **Jadual 8** di atas:
- Nyatakan tempoh tanggungan kecacatan bagi projek ini.
 - Nyatakan tarikh mula dan tarikh akhir tempoh tanggungan kecacatan bagi projek ini.
 - Berapakah nilai maksimum pelepasan Bon Pelaksanaan setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan?

(6 markah)

SOALAN 9

- a) Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan, nyatakan tempoh yang ditetapkan bagi penyediaan Penyata Akaun Muktamad (SOFA) mengikut jenis kontrak seperti berikut:

- Kontrak Konvensional
- Kontrak Reka dan Bina

(4 markah)

- b) Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad sedia dan dikeluarkan untuk tujuan membuat bayaran muktamad kepada kontraktor.

SOALAN 9 (sambungan)

- i) Nyatakan perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(6 markah)

- ii) Senaraikan **lima (5)** dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bagi tujuan pembayaran Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

SOALAN 10

- a) Senaraikan **empat (4)** tuntutan yang dibenarkan menurut syarat-syarat kontrak.

(8 markah)

- b) Perakuan ke atas tuntutan kontraktor bagi kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Senaraikan **empat (4)** ahli dalam Jawatankuasa Tuntutan.

(4 markah)

- c) Pegawai Penguasa perlu membuat penilaian dan perakuan terhadap tuntutan Kontraktor. Nyatakan **empat (4)** kandungan yang terdapat dalam perakuan ke atas tuntutan kontraktor untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus.

(8 markah)
